



**ZAKEE (berdiri, tiga dari kanan) bertanya khabar kepada jemaah Malaysia sambil diperhatikan Syed Saleh (dua dari kanan) di Abraj Al-Janadriyah, Mekah semalam**

Hanya 11,300 rakyat gajah putih tunai rukun Islam

# Thailand contohi TH urus jemaah haji

**MEKAH** – Rakyat Thailand perlu membayar sehingga 280,000 bath (RM37,212) seorang untuk mengerjakan haji kerana tidak memiliki muassasah atau pengelola khusus seperti yang dilaksanakan oleh Tabung Haji (TH).

Amirul Haji 1444H Thailand, Dr. Zakee Abdulaziz Pitakkumpun berkata, bayaran itu untuk tempoh antara 40 hingga 44 hari tinggal di Mekah dan Madinah.

Katanya, kuota haji yang diberikan oleh Arab Saudi ialah sebanyak 13,000 tetapi mereka hanya menghantar 11,300 sahaja kerana orang Islam di situ adalah golongan minoriti.

Kebanyakan penganut Islam menetap di Selatan Thailand iaitu di Narathiwat, Pattani dan Songkhla.

“Jemaah perlu membuat tabungan sendiri, namun kerajaan ada memberikan subsidi bagi meringankan beban yang perlu ditanggung apatah lagi ketika kos semakin meningkat saban tahun.

“Kami ingin mengetahui selok-belok pengurusan haji melalui



**Seruan  
Baitullah**

Bersama  
**MOHD. TURMAZDI  
MADUN**

TH dengan menghadiri muzakarah dan madwah yang diadakan secara tahunan. Kali ini kami datang ke ibu pejabat TH di Mekah untuk berbincang lebih mendalam mengenai operasi haji,” katanya pada sidang akhbar di sini.

Terdahulu, Zakee dan rombongannya mengadakan pertemuan tertutup selama sejam dengan pengurusan TH diketuai Ketua Rombongan Haji, Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman di sini.

Menurut Zakee, ia bagi memperkukuhkan hubungan antara Kuala Lumpur-Bangkok selain ingin mengetahui cara pengurusan kerana mereka ketinggalan jauh dalam pelbagai aspek haji berbanding TH yang telah beroperasi sejak 60 tahun lalu.

Tambahnya, TH merupakan agensi penting untuk dijadikan model kerana mengajar rakyat Malaysia terutama golongan muda untuk menyimpan wang bagi menunaikan haji.

Sementara itu, Syed Saleh berkata, antara yang dikongsikan termasuk pengendalian isu hukum hakam perjalanan haji dengan mewujudkan Pembimbing ibadat Haji Tanah Suci.

“Kita juga berkongsi mengenai operasi Masyair tentang apa yang kita rancang dan sediakan untuk jemaah termasuk kemudahan bagi warga emas, perubahan, keselesaan, penerbangan serta kerjasama dengan syarikat Masyariq,” katanya.

Menurutnya, pihak TH juga memberi tunjuk ajar mengenai penempahan dan pajakan hotel melalui Masyariq selain penerbangan kerana kos operasi yang semakin meningkat setiap tahun.

Tambahnya, TH boleh melaksanakan semua itu ekoran mempunyai dana yang kukuh hingga mencecah RM89 bilion.